

# KERATAN AKHBAR

TARIKH : 20 JANUARI 2024  
AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
MUKA SURAT : 38

**KDNK 2023 dianggarkan berkembang sederhana pada 3.8 peratus**

## KDNK 2023 dianggarkan berkembang sederhana pada 3.8 peratus

**PETALING JAYA:** Ekonomi Malaysia dianggarkan tumbuh 3.4 peratus pada suku tahun keempat 2023, berbanding 3.3 peratus suku tahun sebelumnya, menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Dalam laporan anggaran awalan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) suku keempat 2023, DOSM berkata, secara keseluruhan, ekonomi Malaysia berkembang sederhana 3.8 peratus pada 2023 selepas mencatatkan pertumbuhan 8.7 peratus tahun sebelumnya.

Menurut Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr. Mohd. Uzir Mahidin, sektor perkhidmatan menjadi peneraju prestasi ekonomi pada suku berkenaan dengan semua sektor lain mencatat pertumbuhan positif.

Kata beliau, sektor perkhidmatan meningkat sebanyak 4.7 peratus berbanding 5.0 peratus suku sebelumnya, disokong oleh subsektor perdagangan borong dan runcit; pengangkutan dan penyimpanan serta perkhidmatan perniagaan.

"Sektor perlombongan dan pengkuarian berkembang 3.7 peratus (ST3 2023: -0.1 peratus) pada suku tahun keempat 2023 dan pertumbuhan ini didorong



**EKONOMI negara 2023 dianggarkan tumbuh sederhana disebabkan perkembangan geopolitik dan ekonomi antarabangsa yang tidak stabil. - GAMBAR HIASAN/MUHAMAD IQBAL ROSLI**

oleh peningkatan dalam semua aktiviti terutamanya gas asli dan minyak mentah dan kondensat," katanya dalam kenyataan sempena laporan itu, semalam.

Beliau turut menambah, sektor pembinaan menyederhana kepada 2.5 peratus (ST3 2023:

7.2 peratus) dipengaruhi oleh subsektor kejuruteraan awam dan bangunan kediaman.

Sektor pertanian pula meningkat kepada 1.2 peratus (ST3 2023: 0.8 peratus) pada suku tahun keempat 2023, hasil daripada peningkatan dalam penge-

luaran kelapa sawit.

Sementara itu, sektor pembuatan mencatatkan pertumbuhan marginal 0.1 peratus (ST3 2023: -0.1 peratus) disokong oleh pembuatan berasaskan produk minyak dan lemak daripada sayuran dan haiwan serta pros-

esan makanan dan produk mineral bukan logam, logam asas dan produk logam yang direka.

"Walaupun bagaimanapun, produk elektrik, elektronik dan optikal serta produk petroleum, kimia, getah dan plastik merosot pada suku tahun ini," jelas Mohd. Uzir.

Mengulas lanjut KDNK 2023, beliau berkata, ekonomi Malaysia tumbuh sebanyak 3.8 peratus pada 2023, berbanding 8.7 peratus pada tahun sebelumnya.

Mohd. Uzir menjelaskan, semua sektor menunjukkan pertumbuhan positif yang menyumbang kepada prestasi yang lebih baik itu.

Katanya, sektor perkhidmatan mencatatkan pertumbuhan 5.4 peratus pada 2023 berikutan pertumbuhan yang lebih tinggi sebanyak 10.9 peratus pada 2022. Selain itu, aktiviti ekonomi Malaysia sedang mengalami fasa pemulihan pada 2023.

"Sektor Pembuatan merekodkan pertumbuhan marginal 0.8 peratus (2022: 8.1%) pada tahun 2023. Prestasi sektor ini yang kurang memberangsangkan disebabkan oleh permintaan luar yang lebih lemah di pelbagai negara," katanya.